

KEPENTINGAN MENJAGA AURAT ANTARA MAHRAM MENURUT AL-QURAN DAN SUNNAH

Abdul Aziz Bin Ishak¹
Muhammad Fariq Hafiy Bin Ahmad Tajudin
Muhammad Syukri Bin Mohd Yusof

¹Faculty Of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (Email: abdulaziz990108@gmail.com)

Abstrak: Menurut ajaran Islam, seorang hamba yang beriman mestilah menunjukkan rasa kesyukuran kepada Allah SWT adalah dengan melakukan segala suruhan dan meninggalkan segala kemungkaran. Menutup aurat adalah satu kewajipan dalam Islam. Berpakaian menutup aurat sewajarnya dilakukan kerana Allah SWT menutup aurat juga dan hendaklah didasari dengan iman dan taqwa iaitu dengan mengharapkan keredhaan Allah semata-mata, bukan atas dasar hak asasi atau rutin harian. Allah SWT juga memerintahkan umat islam menutup aurat untuk memelihara maruah dan kehormatan serta menghindarkan mereka daripada kejahatan dan dosa. Kepentingan menutup aurat banyak diperkatakan dalam dalil utama, iaitu Al-Quran dan Sunnah. Tuntutan untuk manusia menutup aurat juga banyak diterangkan dengan jelas dalam kedua-dua sumber tersebut. Namun begitu, pada masa kini umat manusia sering leka dan alpa dalam perihal kepentingan menjaga aurat. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kepentingan menjaga aurat antara mahram menurut Al-Quran dan Sunnah. Metode kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif penelitian pustaka dan tinjauan melalui bahan-bahan rujukan. Kajian ini akan membincangkan tentang kepentingan menjaga aurat antara mahram berdasarkan dalil utama dengan membawa dalil dan hujah berkaitan kepentingan menjaga aurat.

Kata Kunci: Aurat, Mahram, Al-quran, Sunnah.

PENGENALAN

Dewasa ini kita sering didedahkan di dada akhbar tentang perilaku sumbang mahram, perlakuan seks luar tabi'e dan kes rogol yang bukan sahaja melibatkan orang luar tetapi keluarga sendiri seperti bapa rogol anak, abang rogol adik kandung dan sebagainya. Kejadian "Haruan makan anak" adalah kes yang lumrah hingga tidak menimbulkan perasaan gerun, marah, simpati kepada masyarakat. Antara faktor terjadinya perkara di atas, adalah pengabaian kaum hawa dalam perkara-perkara yang melibatkan tentang aurat mereka. Ini ditambah dengan pengaruh asing dalam dunia fesyen yang mudah mempengaruhi kaum wanita hingga meminggirkan soal-soal agama. Kita tidak menolak fesyen, tetapi garis panduan syarak perlu diletak di peringkat utama dalam semua keadaan. Dengan kreativiti pereka fesyen yang mempunyai roh islam, pakaian wanita seperti jubah tetap menarik yang menepati urusan agama dan bersesuaian dengan era moden dan terkini.

KAJIAN LEPAS

1. Mengurai Batasan Aurat Wanita Dalam Keluarga Perspektif Hukum Islam

Tulisan ini bertujuan untuk mengurai batasan aurat wanita dalam keluarga dari sudut pandang hukum Islam, namun yang digunakan sebagai kerangka analisis tersebut adalah pemikiran M.

Quraish Shihab. Dalam Syari'at Islam mewajibkan umat muslim lelaki dan perempuan memakai pakaian yang menutup aurat dan sopan. Ulama sepakat akan wajibnya menutup aurat namun, berbeza tentang batasan aurat wanita muslimah. Saat ini timbulnya seksualiti kaum lelaki tidak memandang pakaian, barangkali muslimah yang berpakaian syar'i dapat menjadi sasaran. Jika wanita muslimah sudah menutup aurat, maka tugas bagi lelaki untuk menundukkan pandangan. Tulisan ini dikhususkan untuk membahas batasan aurat wanita muslimah di dalam keluarga dan orang awam serta perbincangan mengenainya. Dari analisis yang telah di laksanakan, wanita muslimah di dalam keluarga tidak perlu adanya tabir ataupun hijab dengan bukan mahram, itu hanya dikhususkan pada Ummul Mu'minin. Sedangkan dalam kalangan masyarakat umum kita dianjurkan memakai hijab dengan alasan filosofis, keamanan, dan ekonomi. Dari sudut pandang Quraish bahwa batasan berhijab itu ada tiga yaitu, filosofis, keamanan, dan ekonomi dan itu sudah sesuai dengan maqasid syari'ah.

2. Konsep Ihtiyāṭ Imam Al-Syafi'i Terhadap Anjuran Menutup Aurat Bagi Anakanak; Analisis Tindakan Preventif Amang Seksual Anak

Prinsip dasar dalam hukum Islam adalah memberikan maslahat kepada umat manusia. Pencapaian tujuan utama syariat menjadi sebuah hukum harus berpandukan pada aspek maqasid al-syari'ah iaitu merealisasikan kemanfaatan untuk manusia baik urusan dunia mahupun urusan akhirat. Anak sebagai dalam kekuatan tunjang agama karena di masa hadapan mereka akan menjadi pewaris umat, maka Islam hadir untuk memberikan perlindungan terhadapnya baik memelihara kehidupan, pendidikan yang sebaiknya. Tindakan-tindakan preventif harus dilakukan agar terhindar dari perilaku yang tidak baik. Tujuan dari penelitian ini untuk menelusuri dan merujuk konsep ihtiyāṭ Imam Syafi'i terhadap anjuran menutup aurat bagi anak-anak. Metode penelitian yang digunakan adalah penelitian pustaka (*library research*) dan bersifat kualitatif. Sumber data yang dipergunakan dalam penelitian ini bersumberkan dari data primer dan sekunder. Hasil penelitian ini adalah bahwa kebolehan menutup aurat bagi anak-anak sebagai langkah berjaga-jaga agar terhindar dari hal-hal yang tidak diinginkan.

3. Aurat Menurut Pandangan Islam

Kertas kerja ini membincangkan persoalan aurat pada pandangan Islam yang merangkumi aurat lelaki bersama lelaki, ketika dalam solat. aurat wanita ketika solat, dihadapan mahram. ketika bersama wanita bukan Islam dan aurat wanita dengan bukan mahramnya. Disamping itu, penulis membincangkan juga aurat suara perempuan apabila berhadapan dengan bukan mahramnya, agar kita sebagai umat Islam akan menjaga aurat yang merupakan persoalan yang amat penting dalam kehidupan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Penyelidikan kualitatif ini bergantung kepada beberapa kaedah pengumpulan data yang melibatkan penyelidikan dalam kajian. Antaranya ialah kaedah pemerhatian, pembacaan buku dan artikel yang berkaitan dengan tajuk kajian dan analisis dokumen tersebut. Ini dilaksanakan untuk mengenalpasti maklumat tentang kepentingan menjaga aurat antara mahram menurut al-quran dan sunnah serta yang berkaitan dengan aurat.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Definisi

i. Aurat

Pengertian menurut Islam, aurat dari segi bahasa ialah keaiban. Manakala menurut pengertian dan pandangan syarak ialah bahagian-bahagian tertentu pada bahagian badan manusia yang wajib ditutupi daripada pandangan orang yang diharamkan melihatnya (bukan mahram). Perbezaan batas-batas aurat adalah kerana hubungan keturunan dan kerana tali ikatan seperti perkahwinan,, mertua, menantu, ipar duai dan kerana penyusuan dan sebagainya.

ii. Mahram

Mahram ialah orang lelaki atau perempuan yang haram dinikahi mengikut hukum Islam kerana faktor tertentu dan Ianya terbahagi kepada dua larangan iaitu: Larangan kekal (Muabbad) dan larangan sementara (Muaqqat).

Pengertian Aurat

Aurat diambil dari perkataan Arab 'Aurah' yang bererti keaiban. Manakala dalam istilah feqah pula aurat diertikan sebagai bahagian tubuh badan seseorang yang wajib ditutup atau dilindungi dari pandangan.

Di dalam Islam terdapat beberapa keadaan di mana masyarakat islam dibenarkan membuka aurat dan ia hanya pada orang-orang yang tertentu. Di dalam risalah ini akan diterangkan beberapa perkara yang bersangkutan dengan aurat untuk dijadikan renungan dan tatapan bersama.

Perintah Menutup Aurat

Perintah menutup aurat telah difirmankan oleh allah s.w.t dalam surah Al-Ahzab ayat 33 yang bermaksud :

"Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang-orang jahiliyah zaman dahulu, dan dirikanlah sembahyang serta berikanlah zakat, dan taatilah kamu kepada allah dan rasulnya. Sesungguhnya allah (perintah kamu dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak

menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan dari kamu wahai "Ahlu Bait", dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang keji)."

Dari penerangan ayat di atas, jelaslah kepada kita bahawa sumber bagi hukum adalah wajib sebagaimana wajibnya perintah mengerjakan sembahyang, berzakat dan perintahperintah yang lainnya.

Dengan menutup aurat, wanita islam mudah dikenal dan dapat mengelak daripada diganggu oleh mereka yang ingin mengambil kesempatan.

Wanita yang menutup aurat akan mudah dikenali. Jika sekiranya mereka membuka aurat dengan sewenang-wenangnya, maka dengan secara tidak langsung mereka cuba merangsang lelaki untuk menggangu. Maka berlakulah perkara-perkara sumbang,dengan itu juga akan timbullah berbagai-bagai fitnah dari masyarakat tentang diri mereka.

Dalam hal ini allah s.w.t telah berfirman dalam surah Al-Ahzab ayat 59 yang bermaksud:

"Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu,anak-anak perempuanmu, dan perempuanperempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar), cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu.Dan (ingatlah) allah adalah maha pengampun lagi maha mengasihani."

Asas Aurat

Islam telah menggariskan batasan aurat pada lelaki dan wanita.aurat asas pada lelaki adalah menutup antara pusat dan lutut. Manakala aurat wanita pula adalah menutup seluruh badan kecuali muka dan tapak tangan.

Aurat lelaki pada bila-bila masa dan apabila bersama-sama sesiapa pun adalah sama iaitu antara pusat dan lutut. Tetapi bagi wanita terdapat perbezaan dalam beberapa keadaan antaranya :

1. Aurat Ketika Sembahyang

Aurat wanita ketika sembahyang adalah menutup seluruh badan kecuali muka dan tapak tangan.

2. Aurat Ketika Sendirian

Aurat wanita ketika mereka bersendirian adalah bahagian anggota pusat dan lutut. Ini bererti bahagian tubuh yang tidak boleh dilihat antara pusat dan lutut.

3. Aurat Ketika Bersama Mahram

Pada asasnya aurat seseorang wanita dengan mahramnya adalah antara pusat dan lutut. Walaupun begitu wanita dituntut agar menutup mana-mana bahagian tubuh badan yang boleh menaikkan syahwat lelaki walaupun mahram sendiri.

Perkara ini dilakukan bagi menjaga adab dan tatasusila wanita terutama dalam menjaga kehormatan agar perkara-perkara sumbang yang tidak diingini tidak akan berlaku. Oleh itu, pakaian yang labuh dan menutup tubuh badan dapat menutup syahwat lelaki. Pakaian yang digalakkan walaupun semasa bersama mahram adalah pakaian yang lengkap dan labuh. Syarak telah menggariskan golongan yang dianggap sebagai mahram kepada seseorang wanita iaitu:

- 1) Suami
- 2) Ayah, termasuk datuk belah ibu dan bapa
- 3) Ayah mertua
- 4) Anak-anak lelaki termasuk cucu sama ada dari anak lelaki atau perempuan
- 5) Anak-anak suami, dalam perkara ini islam mengharuskan isteri bergaul dengan anak suami kerana wanita tersebut telah dianggap dan berperanan sebagai ibu kepada anak-anak suaminya.
- 6) Saudara lelaki kandung atau seibu atau sebapa
- 7) Anak saudara lelaki kerana mereka ini tidak boleh dinikahi selama-lamanya
- 8) Anak saudara dari saudara perempuan
- 9) Sesama wanita sama ada kaitan keturunan atau seagama
- 10) Hamba sahaya
- 11) Pelayan yang tidak ada nafsu syahwat
- 12) Anak-anak kecil yang belum mempunyai syahwat terhadap wanita. Walau pun begitu, bagi kanak-kanak yang telah mempunyai syahwat tetapi belum baligh, wanita dilarang menampakkan aurat terhadap mereka.

Al-quran dengan jelas menerangkan perkara ini dalam surah An-Nur ayat 31 yang bermaksud:

" Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka, dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya, dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka, dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka, atau bapa mertua mereka, atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan, dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka, dan bertaubatlah kamu sekalian kepada allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya".

Imam Syafie berpendapat perhiasan yang dimaksudkan dalam ayat diatas terbahagi kepada dua makna iaitu:

1. Perhiasan yang bersifat semulajadi seperti, pipi, mulut, mata, bibir, hidung, kaki, betis, peha dan lain-lain anggota.
2. Perhiasan seperti pakaian, alat-alat solek, cincin, rantai leher, gelang kaki dan sebagainya.

Oleh itu, umat islam digalakkan mengawal diri agar tidak melanggar batasan-batasan yang telah digariskan oleh islam terutamanya dalam soal perhiasan dan berpakaian.

3. Aurat Ketika Di Hadapan Lelaki Bukan Mahram

Kewajipan menutup aurat dihadapan lelaki bukan mahram adalah amat penting dan perlu dilaksanakan oleh setiap wanita, bagi mengelak berlakunya perkara yang tidak diinginkan seperti rogol dan sebagainya.

Perkara ini terjadi disebabkan memuncaknya nafsu para lelaki akibat dari penglihatan terhadap wanita yang memakai pakaian yang tidak senonoh dan mendedahkan sebahagian tubuh badan mereka. Wanita yang bersuami pula, dengan terlaksanakan kewajipan ini, akan dapat membantu suami, yang mana dosa seorang isteri yang membuka aurat akan ditanggung oleh suami. Oleh itu, wanita-wanita perlulah memahami batas-batas aurat ketika berhadapan dengan orang-orang yang tertentu dalam keadaan yang berbeza-beza.

4. Aurat Ketika Di Hadapan Wanita Kafir

Aurat wanita apabila berhadapan atau bergaul dengan wanita bukan islam adalah tutup keseluruhan tubuh badan kecuali muka dan tapak tangan.

Rasulullah s.a.w bersabda dalam sebuah hadis yang bermaksud : Abdullah bin Abbas ada menyatakan, Rasulullah s.a.w pernah bersabda yang maksudnya : " Tidak halal kaum wanita islam itu dilihat oleh kaum Yahudi dan Nasrani".

5. Aurat Ketika Bersama Suami

Apabila seorang isteri bersama-sama dengan suaminya di tempat yang terlindung dari pandangan orang lain, maka islam telah memberi kelonggaran dengan tiada membataskan aurat pada suaminya. Ini bererti suami dan isteri tiada sebarang batasan aurat terhadap mereka berdua. Isteri boleh mendedahkan seluruh anggota badannya bila berhadapan dengan suaminya.

Mu'awiyah bin Haidah mengatakan: "Aku pernah bertanya : Ya rasulullah , bagaimanakah aurat kami, apakah boleh dilihat oleh orang lain?". Baginda menjawab : "Jagalah auratmu kecuali terhadap isterimu atau hamba abdi milikmu". Aku bertanya lagi : " Ya rasulullah , bagaimanakah kalau ramai orang mandi bercampur-baur di satu tempat? " Baginda menjawab : "Berusahalah seboleh mungkin agar engkau tidak melihat auratmu". Aku masih bertanya lagi: " Ya rasulullah, bagaimanakah kalau orang mandi sendirian?" Baginda menjawab : " Seharuslah ia lebih malu kepada allah daripada malu kepada orang lain". (Hadis Riwayat Imam Ahmad dan Abu Daud)

Pakaian Dalam Islam

Dalam membicarakan soal pakaian wanita, islam tidak menetapkan pakaian tertentu tetapi wanita islam perlu mengikuti garis panduan syarak seperti berikut:

- i. Pakaian itu hendaklah menutup aurat
- ii. Pakaian itu hendaklah longgar, tidak sempit atau ketat hingga menampakkan susuk tubuh badan.

Usamah bin Zaid pernah menceritakan bahawa rasulullah s.a.w telah menerima hadiah sejenis kain Qibtiah yang kurang tebal daripada seorang yang bernama Dahiyah Al-Albi dan rasulullah s.a.w pula menghadihkan kain tersebut kepada beliau (Usamah bin Zaid) , untuk dibuat pakaian tetapi Usamah memberikan kepada isterinya.

Suatu hari rasulullah s.a.w bertanyakan Usamah : "Kenapa engkau tidak memakai kain Qibtiah itu?" Usamah menjawab : " Saya telah berikan kepada isteri saya". Lalu rasulullah s.a.w

bersabda kepada Usamah : " Suruhlah isterimu mengalaskan kain tersebut dengan kain yang lain di bawahnya, kerana aku bimbang jika kain Qibtiah itu tidak digalas, maka akan kelihatanlah besar kecil tulang-tulang badan isterimu (bentuk tubuh badan isterimu)".

iii. Pakaian itu diperbuat daripada kain yang agak tebal, tidak nipis atau jarang yang boleh menampakkan bayangan tubuh badan.

Selain daripada itu, pakaian wanita hendaklah dibuat dari kain yang tidak terlalu licin dan lembut hingga melekat di tubuh dan membayangkan kulit pemakainya. Pakaian yang dibuat daripada kain-kain tersebut boleh mempamerkan rupa bentuk anggota badan wanita yang boleh mengghairahkan lelaki yang memandangnya.

iv. Pakaian itu tidak berbentuk hiasan yang boleh menarik perhatian orang melihatnya.

v. Pakaian itu tidak menyerupai pakaian lelaki.

Abu Hurairah r.a telah meriwayatkan bahawa rasulullah s.a.w bersabda maksudnya: "Sesiapa jua wanita yang memakai minyak wangi kemudian melintasi khalayak ramai dengan tujuan dihidu bau yang dipakainya, maka dia dikira berzina". vi. Pakaian itu tidak menyerupai pakaian orang-orang kafir atau musyrik.

Dengan memakai pakaian yang menutup aurat, seseorang wanita telah menunjukkan harga diri sebenar seorang wanita dan sekaligus menghindari perbuatan tidak senonoh di kalangan para lelaki terhadap wanita.

Wanita yang menutup aurat dan berpegang teguh dengan ajaran islam akan mendapat keredhaan allah s.w.t dan lelaki akan memandang mereka dengan pebuh rasa hormat dan memberi penghormatan yang tinggi bersesuaian dengan sifat mereka yang pemalu dan bersopan santun.

Aurat Wanita Terhadap Mahram

1. Maksud Mahram ialah orang yang haram dinikahi oleh wanita itu selama-lamanya sama ada isunya ialah keturunan, perkahwinan atau susuan.
2. Al-Malikiyyah dan al-Hanabilah di dalam satu pandangan menyatakan: Aurat wanita muslimah terhadap lelaki mahramnya ialah selain daripada muka, kepala, kedua-dua tangan dan kaki. Haram meperlihatkan dadanya dan buah dadanya dan yang seumpamanya. Diharamkan kepada mahramnya termasuk bapanya sendiri untuk melihat anggota dilarang sekalipun tanpa syahwat atau berlaizat-lazatan.
3. Al-Qadhi di dalam al-Hanabilah menyatakan hukumnya sama seperti hukum lelaki dan lelaki serta perempuan dengan perempuan.
4. Al-Hanafiyyah menyatakan auratnya ialah antara pusat dan lutut. Semua yang harus dilihat, harus untuk disentuh ketika tidak menimbulkan fitnah.
5. Al-Syafiyyah menyatakan harus melihat selain antara pusat dan lutut. Ada pendapat lain yang menyatakan keharusannya itu hanya pada tempat yang biasa terlihat di dalam rumah, iaitu kepala, tengkuk, tangan sehingga siku, kaki sehingga ke buku lali.
6. Al-Hanabilah menyatakan: keharusan untuk memperlihatkan sesuatu yang biasa dilihat di dalam rumah kepada ahli keluarga yang kafir.

Akibat Tidak Menutup Aurat Antara Mahram

Akibat yang dapat dilihat daripada kesan tidak menutup aurat antara mahram adalah seperti kes sumbang mahram sebagaimana yang dilaporkan oleh Sinar Harian yang direkodkan pada tahun 2019 hingga Februari 2021. Kes-kes yang dilaporkan adalah berpunca daripada bapa kandung sendiri yang menjadi pelaku utama dalam menyumbang kepada kes jenayah sumbang mahram dalam negara ini.

Statistik kes sumbang mahram di negara kita dilihat cukup membimbangkan sebagaimana yang dilaporkan dalam Harian Metro bertarikh 26 Januari 2021 iaitu sepanjang tahun lalu saja, sebanyak (259 kes) dilaporkan di seluruh negara manakala (825 kes) dilaporkan dalam tempoh 2018 hingga 2020. Ada dua fakta dalam statistik ini yang cukup mengganggu pemikiran kita iaitu pertama, bapa kandung direkodkan sebagai pelaku paling ramai yang terbabit dan kedua majoriti kes yang dilaporkan berlaku di rumah sendiri. Apabila ia membabitkan bapa kandung dan berlaku pula di rumah sendiri apa lagi yang boleh kita simpulkan selain umpama harapan pagar, pagar makan padi.

Tugas dan tanggungjawab bapa bukan sekadar menyediakan tempat tinggal serta makan dan minum, tetapi perlu melindungi keselamatan dan maruah setiap ahli keluarga terutama wanita seperti isteri dan anak perempuan. Jadi, kes sumbang mahram terutama yang membabitkan bapa kandung membuktikan masih ramai bapa tidak menghayati peranan itu sebaliknya mengambil kesempatan dan merosakkan darah daging sendiri. Malah, sumbang mahram antara anak lelaki dan perempuan pula menunjukkan bapa juga dilihat gagal mendidik anak lelaki untuk menjauhi aktiviti jenayah eksual ini. Justeru, perlu ada usaha untuk mendidik pasangan muda bergelar ibu bapa supaya mereka memahami amanah menjaga anak.

Dalam pada itu, ibu bapa perlu mendidik anak perempuan mengenai sesuatu perbuatan yang boleh dan tidak boleh dilakukan lelaki lain termasuk ahli keluarga terhadap dirinya. Malah, anak lelaki juga wajar diasuh cara untuk bergaul dengan adik-beradik perempuan. Hal ini penting kerana ada kes di mana mangsa melihat apa yang diperlakukan bapa atau abang itu bukan suatu perbuatan salah.

Ringkasnya, pendedahan terhadap pendidikan seksual itu sangat penting. Begitu juga halnya di mana kita juga perlu memberi kekuatan dan keberanian kepada anak perempuan supaya tampil membuat aduan kepada ibu atau pihak berkuasa jika ada sebarang gangguan seksual dari mana-mana pihak termasuk ahli keluarga. Hakikatnya sumbang mahram membabitkan jenayah seksual dalam kalangan ahli keluarga sendiri. Justeru, agak sukar untuk pihak luar membantu jika mangsa ataupun ahli keluarga yang lain tidak tampil untuk membuat aduan dan laporan kepada pihak berkuasa. Oleh itu, antara cara terbaik untuk kita menangani masalah ini ialah perlu adanya rasa tanggungjawab, keberanian, kesanggupan dan pengorbanan dalam diri mangsa dan ahli keluarga.

Ironinya, lagi kita diam dan cuba untuk menutup perilaku keji manusia tidak bertanggungjawab, keji dan tidak bertamadun ini, kita kluatir mereka lebih galak untuk melakukannya. Malah, ahli keluarga lain juga boleh menjadi mangsa yang seterusnya. Jadi kita berharap mangsa dan ibu atau ahli keluarga lain tampil ke hadapan dengan berani demi keluar dari cengkaman pelaku, sekali gus menyelamatkan diri dan ahli keluarga lain. Ingat, sumbang mahram adalah satu perbuatan jenayah yang cukup keji, jadi jangan biarkan ia menghancurkan institusi keluarga di negara kita.

KESIMPULAN

Penjagaan aurat perlulah diberikan perhatian walaupun sesama mahram kerana hal ini amatlah penting kerana jika tidak dijaga, perkara yang tidak diinginkan boleh berlaku seperti sumbang

mahram. Selain itu, dapat mengekang berlakunya gejala maksiat. Hal ini kerana banyaknya maksiat terhadap kaum wanita adalah akibat tingkah laku mereka sendiri. Kerana wanita merupakan fitnah (godaan) terbesar. Dengan berhijab, wanita akan memiliki sifat seperti bidadari syurga iaitu menundukkan pandangan, tak pernah disentuh oleh yang bukan mahramnya, yang sentiasa di rumah untuk menjaga kehormatan diri. Wanita inilah merupakan perhiasan yang amatlah berharga. Tambahan pula, Salah satu cara kita menunjukkan tanda kita bersyukur kepada Allah SWT adalah dengan melakukan segala suruhan dan meninggalkan segala kemungkaranNya. Menutup aurat adalah satu kewajipan dalam Islam. Berpakaian menutup aurat sewajarnya dilakukan kerana Allah SWT. Menutup aurat juga hendaklah didasari dengan iman dan taqwa iaitu mengharapkan keredhaan Allah semata-mata , bukan atas dasar hak asasi atau rutin harian. Allah SWT memerintahkan umat islam menutup aurat untuk memelihara maruah dan kehormatan serta menghindarkan mereka daripada kejahatan dan dosa. Islam memberi keadilan kepada wanita dan memuliakannya. Kemuliaan bagi seorang wanita dilihat dari aspek pergaulan, perkahwinan dan aurat. Disamping itu, wanita muslim akan selamat apabila menutup aurat dengan sempurna. Dengan menutup aurat, akan melindungi wanita daripada menjadi bahan gangguan lelaki yang tidak bertanggungjawab.

RUJUKAN

Al-qur'an

Hadis

Arsyad, A., Ibtisam, I., & Asti, M. J. (2020). Konsep Ihtiyāt Imam Syafi'i terhadap Anjuran Menutup Aurat bagi Anak-Anak; Analisis Tindakan Preventif Pelecehan Anak. *Mazahibuna*, 255-269.

V Dibok, M. (2001). Aurat: apa pandangan Islam. *GADING Jurnal UiTM Cawangan Pahang*, 6(1 & 2), 175-185.

Bahagian Pengurusan Dakwah, Jabatan Agama Islam Selangor. 2018. Aurat Dalam Islam.

Ipandang, I. (2020). Mengurai Batasan Aurat Wanita dalam Keluarga Perspektif Hukum Islam. *Jurnal Darussalam: Jurnal Pendidikan, Komunikasi dan Pemikiran Hukum Islam*, 11(2), 366-386.

Harian Metro

Sinar Harian.